



مجلس باندراي ملاك برسجاره

**MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH
BANDARAYA WARISAN DUNIA**

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat sebut harga pada masa ini bagi kerja-kerja berkaitan:-

BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TEMPAT DAN TARIKH SEBUT HARGA DITUTUP	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	HARGA DOKUMEN SEBUT HARGA
S107/2021 (JK) KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN KENANGA SEKSYEN 3 DAN KAWASAN SEKITARNYA, TAMAN KENANGA, MELAKA Tarikh Kelulusan : 22/9/2021	Gred G2 (Negeri Melaka) Kategori CE Pengkhususan CE01	Melalui : Kaunter Utama Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak - Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.	Serahan tangan : Peti Tawaran Berhadapan Papan Notis Dewan Taming Sari, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.	TIADA *(Penyebut harga diminta melihat sendiri keadaan tapak bagi proses mengisi harga dan segalanya adalah atas tanggung jawab sendiri)	RM20.00 (Naskah) * Tidak akan dikembalikan
S108/2021 (JK) KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI TAMAN KERIS EMAS, SUNGAI UDANG, MELAKA Tarikh Kelulusan : 22/9/2021		----- Melalui : Emel : eperolehan@mbmb.gov.my	----- Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.		----- Percuma (Softcopy)
S109/2021 (JK) KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI TAMAN TANJUNG MINYAK, TANJUNG MINYAK, MELAKA Tarikh Kelulusan : 22/9/2021		Selasa, 28 September 2021 hingga Selasa, 5 Oktober 2021 pada waktu pejabat	Rabu, 6 Oktober 2021 pada jam 12.00 tengahari		

Naskah sebut harga boleh disemak di **Kaunter Utama Jabatan Kewangan Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak - Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka** pada waktu pejabat bermula **28 September 2021**. Bayaran Dokumen Sebut harga hendaklah di buat dalam bentuk **Tunai, Draf Bank atau Cek** di atas nama **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah** (bayaran ini tidak akan dikembalikan).

Kontraktor dikehendaki membawa sijil asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, Sijil Taraf Bumiputera, cop syarikat** dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen sebut harga. **Bagi yang menghantar wakil hendaklah membawa surat wakil yang asal.** Dokumen sebut harga juga boleh didapatkan secara percuma dengan menghantar emel bertajuk butir-butir sebutharga berkaitan serta memuatnaik salinan **Kad Pengenalan, Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) melalui emel eperolehan@mbmb.gov.my. Pihak tuan boleh melayari laman web MBMB di www.mbmb.gov.my untuk melihat kenyataan sebut harga ini.

Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dihantar secara serahan tangan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat :-

**MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH,
Peti Tawaran
Berhadapan Papan Notis Dewan Taming Sari,
Graha Makmur, No. 1,
Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh,
Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.**

Jika sebut harga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selawat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,
DATUK BANDAR
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

sk : Datuk Bandar
Setiausaha Bandaraya
PK
Ketua Audit Dalam
Papan-Papan Kenyataan MBMB